



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	29/11/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### Kedah belum memutuskan naik tarif air tahun depan

**ALOR SETAR** - Kedah belum memutuskan untuk menaikkan kadar tarif air di negeri itu pada tahun depan.

Exco Kerja Raya, Bekalan Air dan Sumber Air dan Tenaga, Datuk Zamri Yusof berkata, kerajaan negeri telah mengemukakan beberapa cadangan kepada

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bagi membolehkan kadar tarif air sedia ada dikekalkan tanpa merugikan syarikat operator air mahupun menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada pengguna.

"Sebelum ini SPAN telah meminta Kedah untuk me-

nyemak semula kadar tarif air yang berada pada bawah kos operasi sebenar di mana tarif air di Kedah masih rendah dibandingkan negeri lain," katanya pada sidang akhbar selepas Program Hari Sungai dan Komuniti di Kampung Berjaya di sini semalam.